

17 OCT 1998

ISU KEWANGAN, ABDULLAH

PULAU PINANG, 17 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini berkata isu-isu kewangan seperti kawalan matawang dan kegawatan ekonomi akan menjadi topik penting perbincangan pada sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur pertengahan bulan depan.

Katanya, persidangan itu merupakan peluang dan kesempatan terbaik bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengetengahkan cadangannya bagi mewujudkan satu sistem kawal selia kewangan sejagat yang sempurna.

"Tentu sekali Perdana Menteri mahu membawa perkara ini," katanya pada sidang berita selepas majlis penerangan Umno Bahagian Tanjung di sini.

Menurutnya, Dr Mahathir sememangnya telah mengemukakan perkara itu ke arah mengkaji kemungkinan-kemungkinan untuk mewujudkan satu bentuk mekanisme memastikan aliran modal jangka pendek tidak membawa kesan buruk pada matawang dan ekonomi sesebuah negara.

"Itu peluang terbaik..tentu Perdana Menteri akan mengambil kesempatan itu," katanya.

-- BERNAMA

AHM oba